

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.5()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 3 TAHUN 2024**

Tarikh : 26 Mac 2024 (Selasa)
Masa : 10.00 pagi – 11.30 pagi
Tempat : Laman Kenanga, Aras 1
Bangunan MBSJ
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Syed Fadleindra bin Syed Alias, Pengacara Majlis.

2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN MAC 2024

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Mac 2024 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya yang ketiga bagi tahun 2024. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti berikut :

- i) Datuk Bandar berkongsi amanat yang disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Baginda telah berkenan menyampaikan titah semasa Pembukaan Persidangan Dewan Negeri Selangor pada 27 Februari 2024.

Baginda bertitah supaya penjawat awam di Selangor perlu melakukan anjakan paradigma dalam setiap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Baginda menggesa supaya kerenah birokrasi dan peraturan yang menyusahkan dalam urusan-urusan kerajaan dikurangkan dengan segera. Penjawat awam perlu ada '*sense of urgency*' dan bertindak segera dalam memastikan perkhidmatan berkaitan rakyat diselesaikan dengan pantas dan sempurna. Baginda tidak mahu sikap lalai dan malas terus diamalkan penjawat awam sehingga menyebabkan banyak projek pembangunan tergendala atau berdepan masalah.

Baginda turut mengingatkan Pihak Berkuasa Tempatan supaya segala masalah dan aduan dapat ditangani dengan lebih baik

menerusi inisiatif turun padang dengan melihat sendiri masalah dihadapi oleh rakyat. Baginda mahu Pihak Berkuasa Tempatan dan jabatan-jabatan yang memberi perkhidmatan terus kepada rakyat memastikan baik pulih (*maintenance*) harta awam diselenggara dengan baik, termasuklah pembaikan jalan raya yang rosak, parit dan longkang tersumbat, lif di bangunan awam dan perumahan serta kemudahan untuk bersukan dan rekreasi.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor akan terus memantau dan memerhati tindak-tanduk penjawat awam dan kualiti perkhidmatan awam di Negeri Selangor agar selaras dengan moto 'Pertahan dan Setia Kepada Agama Islam' serta 'Berkhidmat Kepada Rakyat dan Negara'.

Dalam pada itu Baginda turut berharap segala perancangan yang telah digariskan dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1) pada tahun ini dapat dilaksanakan mengikut garis masa ditetapkan terutamanya program kebajikan dan kesejahteraan rakyat, projek-projek berimpak tinggi khususnya pembangunan wilayah ekonomi baharu, inisiatif hasil ekonomi baharu serta mewujudkan suasana mesra pelabur bagi menarik lebih ramai pelabur dari dalam dan luar negara untuk melabur di Selangor.

Baginda turut bertitah, aspek digitalisasi akan membantu dalam proses semakan, perancangan dan juga pemantauan di mana ia boleh dibuat secara lebih pantas, berkala serta teratur.

- ii) Seterusnya amanat YAB Perdana Menteri yang telah disampaikan dalam perjumpaan bersama warga Jabatan Perdana Menteri pada 18 Mac 2024, hari Isnin bertempat di Dewan De' Seri Endon, Puspanitapuri, Putrajaya.

YAB Perdana Menteri mengupas mengenai kemanisan Madrasah Ramadan sebagai peluang untuk menggilap semula keimanan, akhlak dan disiplin diri. Beliau juga menyeru kepada penjawat awam untuk menjadikan Ramadan ini sebagai kesempatan untuk mengupas permasalahan etika yang lebih luas (*wider ethical question*) antaranya penumpuan dalam soal kerohanian dan spiritual yang merupakan kekuatan induk untuk menghadapi segala rintangan dan ujian yang lain.

YAB Perdana Menteri juga menghuraikan bahawa seharusnya ibadah Ramadan ini perlu dilaksanakan dengan penghayatan agar dapat dielakkan pembaziran yang luar biasa, lebih prihatin terhadap nasib masyarakat miskin serta mencegah rasuah. Ramadan ini seharusnya mengetuk hati nurani untuk memperbanyakkan usaha dalam bersedekah, melaksanakan amal jariah dan menyantuni masyarakat yang kurang bernasib baik.

Beliau menyeru semua rakyat terutamanya penjawat awam agar menitikberatkan tatakelola yang baik dalam membanteras rasuah serta mengekalkan imej dan prestasi tinggi untuk bersama-sama mengangkat darjat dan martabat negara ini.

- iii) Seterusnya Datuk Bandar juga turut berkongsi amanat YAB Dato' Menteri Besar Selangor yang disampaikan kepada penjawat awam Kerajaan Negeri Selangor dalam Majlis Mahabbah Ramadan Madani pada 22 Mac 2024 bertempat di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

YAB Dato' Menteri Besar menyentuh berkenaan semangat madrasah Ramadan yang menuntut kita untuk fokus dalam perjuangan. Beliau menceritakan kisah Perang Badar yang berlaku ketika Ramadan merupakan contoh di mana semangat juang yang berkobar kobar meskipun berpuasa mampu menjadi pemangkin kepada kemenangan menentang kebatilan.

YAB Dato' Menteri Besar yakin bahawa ibadah puasa tidak akan menghilangkan focus, sebaliknya akan meningkatkan tanda penghargaan kita, tanda rasa kebersamaan dengan rakan-rakan dan tanda kita untuk kembali bekerja sebagai satu pasukan yang kuat serta padu. Beliau juga menyingkap keadaan di zaman '*Age of Distraction*', di zaman media sosial menjadi medan yang mampu mengalih perhatian dan mengganggu matlamat namun kita harus kekal fokus dan bersemangat untuk membawa kemakmuran serta kemajuan di Selangor.

Berbekalkan semangat berlumba-lumba melaksanakan kebaikan ataupun '*fastabiqul khairat*' di bulan Ramadan ini, YAB Dato' Menteri Besar turut mengumumkan Insentif Khas Kita Selangor

Aidilfitri 2024 sebanyak sebulan gaji atau minimum RM 1000.00 kepada penjawat awam Negeri Selangor. Warga kerja MBSJ mengucapkan syukur dan terima kasih di atas keprihatinan Kerajaan Negeri yang tidak melupakan penat lelah penjawat awam di Negeri Selangor.

- iv) Datuk Bandar memaklumkan berkenaan Program MBSJ Mendahului Aduan akan mula dilaksanakan mulai April 2024. Program pro-aktif ini bertujuan untuk menjadikan 1460 warga kerja MBSJ sebagai ejen atau mata-mata untuk mengenal pasti sebarang kelemahan serta perkara yang boleh menjadi aduan atau merbahaya kepada penduduk di kawasan MBSJ.

Bagi menjayakan usaha ini, semua warga kerja akan menaik turun aplikasi I-Respon MBSJ bagi memudahkan penyaluran maklumat di buat terus ke Jabatan dalaman. Usaha ini membuktikan komitmen keseluruhan warga kerja MBSJ dalam menangani aduan. Program ini akan diuruskan oleh Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ.

- v) Datuk Bandar berkongsi berkenaan penganjuran Fokus Group Discussion (FDG) siri ke-3. *Sustainable Development Goals* (SDG) telah menggariskan 17 matlamat Pembangunan Mampan yang merupakan agenda sejagat yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak bagi menambahbaik dan meningkatkan kualiti kehidupan serta persekitaran masyarakat. 3 dimensi utama di dalam SDG

iaitu Sosial, Ekonomi dan Alam Sekitar dan 5 fokus utama iaitu manusia, bumi, kesejahteraan, keadilan dan kerjasama.

Pihak MBSJ melalui Jabatan Perancangan Bandar dalam proses untuk menghasilkan dua blueprint iaitu *Voluntary Local Review 2024* dan *SDG's Subang Jaya City Roadmap*. Penyediaan blueprint ini melibatkan kerjasama antara pihak Urbanice Malaysia yang dilantik oleh MBSJ sebagai rakan strategik.

Untuk memastikan *blueprint* ini disediakan secara komprehensif, MBSJ telah mengadakan 3 kali sesi *Focus Group Discussion* (FGD). Sesi FGD yang pertama dan kedua hanya melibatkan Jabatan dalaman sahaja yang telah diadakan pada bulan Ogos 2023 dan bulan Januari 2024. Sesi FGD siri 3 pula telah dianjurkan pada 5 Mac 2024 (Selasa) bertempat di The Saujana Hotel melibatkan Ahli Majlis serta wakil Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), Ketua Jabatan MBSJ, agensi kerajaan, wakil NGO, wakil pemaju dan institusi pendidikan serta Urbanice Malaysia sebagai fasilitator. Tujuan sesi siri 3 ini adalah untuk mendapatkan cadangan penambahbaikan bagi inisiatif SDG serta membuka ruang perbincangan antara pemegang taruh di kawasan pentadbiran MBSJ supaya *blueprint* yang disediakan ini menyeluruh serta komprehensif.

Kedua-dua *blueprint* ini dijangka siap pada bulan Mei 2024 dan MBSJ bercadang supaya *blueprint* ini dibentangkan di *High-Level*

Political Forum (HLPF) yang akan diadakan di New York pada Julai 2024. Semoga penyediaan *blueprint* ini menjadi titik kejayaan MBSJ sebagai PBT bertaraf antarabangsa berteraskan bandaraya mampan yang bestari, kota niaga dan kediaman idaman.

- vi) Datuk Bandar berkongsi kejayaan MBSJ dalam Pengiktirafan Bandar Komuniti Bahagia sempena Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia Peringkat Kebangsaan 2024.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia telah menganjurkan Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 dengan tema Bahagia Bersama Malaysia Madani pada 15 Mac 2024 bagi mengiktiraf 10 bandar paling bahagia di Malaysia dan 5 bandar apresiasi khas bagi tahun 2024 yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming.

MBSJ adalah antara 5 Pihak Berkuasa Tempatan yang telah mendapat pengiktirafan Apresiasi Khas 2024. MBSJ telah menerima Anugerah Bandar Komuniti Bahagia 2024 pada Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2024. Tahniah diucapkan di atas pengiktirafan ini!

- vii) Datuk Bandar juga memaklumkan mengenai situasi semasa demam denggi di MBSJ. Sehingga minggu Epid ke-12 bagi tahun 2024, terdapat sebanyak 3,377 kes demam denggi telah dilaporkan di dalam kawasan pentadbiran MBSJ. Ini menunjukkan berlaku peningkatan kes sebanyak 85% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2023 sebanyak 1,825 kes.

Sebanyak 44 lokaliti hotspot demam denggi telah dikenal pasti yang memerlukan kerjasama MBSJ dan penduduk bagi memastikan kes demam denggi dapat diatasi. Ahli Majlis bersama penduduk perlu menggerakkan jentera untuk menjalankan gotong royong dan aktiviti '*search and destroy*' bagi mengekang penularan wabak demam denggi di lokaliti tersebut.

Menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri yang akan diraikan tidak lama lagi, penduduk yang akan pulang ke kampung halaman diminta memastikan premis / rumah yang ditinggalkan bebas daripada tempat takungan air yang boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. Apabila kembali pula perlu memastikan premis bebas nyamuk Aedes dengan membuat semburan aerosol pembunuh nyamuk. Tiada Aedes, tiada Denggi.

- viii) Datuk Bandar mewakili seluruh warga kerja MBSJ juga mengambil kesempatan mengucapkan Salam Nuzul Al-Quran yang akan disambut pada hari Khamis, 17 Ramadan. Hari Nuzul Al-Quran merupakan hari seluruh Umat Islam memperingati peristiwa Allah

menurunkan ayat pertama Al-Quran kepada Junjungan Besar, Nabi Muhammad S.A.W.

Penurunan Al-Quran ini merupakan proses yang berterusan dan secara berperingkat-peringkat selama 23 tahun sehingga menjadi sebuah kitab Al-Quran yang lengkap dan ini berlaku pada malam Jumaat 17 Ramadan, berdasarkan pandangan sesetengah ahli sejarah Islam.

Oleh itu, kepada semua umat Islam, marilah kita memperbanyakkan membaca Al Quran dan istiqamah mengamalkan ajarannya. Jadikanlah Al-Quran sebagai panduan dan rujukan utama dalam kehidupan. Firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 185 yang bermaksud “Bulan Ramadan, bulan yang di dalamnya diturunkan (permulaan) Al Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan pembedaan (antara yang hak dan yang batil)“.

- ix) Seterusnya Datuk Bandar memberikan nasihat dan peringatan kepada semua warga kerja dan penduduk di kawasan pentadbiran Majlis supaya sentiasa peka dan meningkatkan kewaspadaan dalam menjaga keselamatan rumah semasa balik kampung di musim cuti perayaan kelak. Utamakan keselamatan diri, kediaman dan kenderaan sebelum memulakan perjalanan.

Dalam kegembiraan menyambut perayaan Aidilfitri akan datang, selain aspek keselamatan di jalan raya, aspek keselamatan dan

pencegahan kebakaran terutamanya di kediaman juga tidak boleh dipandang remeh. Rumah yang ditinggalkan perlu dipastikan berada dalam keadaan selamat dan hapuskan punca-punca yang boleh mencetuskan kebakaran.

- x) Akhir sekali, Datuk Bandar mengambil kesempatan mengucapkan selamat maju jaya kepada Tuan Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin, Pengarah COB yang akan bertukar ke Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Kuala Lumpur berkuat kuasa mulai 1 April 2024 dan tempat beliau akan digantikan dengan Puan Nornizam binti Mohd Jusoh.

Mewakili warga kerja MBSJ, Datuk Bandar mengucapkan terima kasih di atas segala komitmen, dedikasi dan sumbangan yang telah diberikan sepanjang beliau berkhidmat dengan Majlis dan berharap jalinan yang terbina akan kekal selamanya.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 2/2024

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2024 bertarikh 26 Februari 2024 (Isnin) disahkan tanpa pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 2/2024

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2024 bertarikh 26 Februari 2024 (Isnin) disahkan tanpa pindaan.

6.0 PENGESAHAN KEPUTUSAN DAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2024 bertarikh 6 Mac 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan Dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 4/2024 bertarikh 26 Februari 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan Dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2024 bertarikh 12 Mac 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 3/2024 bertarikh 13 Mac 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2024 bertarikh 13 Mac 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 1.0 & m/s 1	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Perutusan Pengerusi	Beliau memohon agar Majlis mengambil tindakan bagi menyelesaikan isu aduan yang tidak selesai terutamanya aduan jalan berlubang di kawasan industri. Beliau mencadangkan supaya Majlis mengambil tindakan pencegahan awal bagi menjamin keselesaan dan keselamatan pengguna jalan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>raya.</p> <p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa kerosakan jalan di kawasan industri adalah disebabkan oleh kenderaan berat yang kerap menggunakan jalan tersebut. Jabatan Kejuruteraan diminta mencari kaedah yang berkesan bagi menyelesaikan masalah ini.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</p>

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 3/2024 bertarikh 14 Mac 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2024 bertarikh 14 Mac 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 3.0 & m/s 3	Encik Muhammad Fauzan bin Rosli	Perkara-perkara Berbangkit	<p>Beliau memohon supaya perkara yang belum diselesaikan sepenuhnya diminitkan dalam hal-hal berbangkit.</p> <p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum berkenaan perkara tersebut dan meminta semua urus setia Jawatankuasa mencatatkan perkara yang masih belum diselesaikan dalam hal-hal berbangkit.</p> <p>Makluman</p>

**6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 3/2024 bertarikh 18 Mac
2024**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan
Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya
Bil. 3/2024 bertarikh 19 Mac 2024**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT/KERTAS MAKLUMAN

**7.1 Kertas Cadangan Permohonan Penanggungungan Kerja,
Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MBSJ Zon 5
(Kertas Mesyuarat Bil. 3/3/2024)**

Kertas cadangan ini telah disediakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dan dibentangkan oleh Encik Ismail bin Salim, Pengarah Khidmat Pengurusan MBSJ.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima kertas cadangan permohonan penanggungungan kerja Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MBSJ Zon 5.

Encik Pravin a/l Murali, Ahli Majlis daripada Parti PKR akan menanggung tugas Pengerusi MPP Zon 5 sehingga kekosongan Ahli Majlis diisi. MPP Zon 5 adalah di bawah DUN Batu Tiga meliputi kawasan berikut :

MPP ZON	KAWASAN MPP
5	<ul style="list-style-type: none">▪ Taman Batu Tiga▪ Taman Mutiara Subang▪ Taman Perindustrian Subang Hi-Tech▪ Taman Perindustrian UEP (TP 7)▪ Taman Pinggiran USJ▪ Taman Subang Heights▪ Taman Subang Mas▪ Taman USJ Heights▪ Tropicana Metropark

Penanggungungan ini berkuatkuasa 1 April 2024. Elaun tanggung kerja adalah sebanyak RM 625.00 sebulan menggunakan Vot 12118 : Elaun Ahli Majlis.

Tindakan :
Jabatan Khidmat Pengurusan

7.2 Kertas Cadangan Menerimapakai Arahan Pembayaran Insentif Khas Aidilfitri Kita Selangor 1445H Tahun 2024 Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Kertas Mesyuarat Bil. 4/3/2024)

Kertas cadangan ini telah disediakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dan dibentangkan oleh Encik Ismail bin Salim, Pengarah Khidmat Pengurusan MBSJ.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima kertas cadangan menerimapakai Arahan Pembayaran Insentif Khas Aidilfitri Kita Selangor 1445H tahun 2024 Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Mesyuarat bersetuju pembayaran Insentif Khas Aidilfitri Kita Selangor tahun 2024 dibayar pada 3 April 2024 dan Pembantu Ahli Majlis akan menerima insentif sebanyak RM 1,000.00.

**Tindakan :
Jabatan Khidmat Pengurusan**

8.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik M. Anbarasan a/l Murugesu, wakil daripada Parti PKR.

9.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

Tarikh Disediakan : 27 Mac 2024

" #KITASELANGOR MAJU BERSAMA "

" MALAYSIA MADANI "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;


(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), S.M.S, A.M.N

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;


(DATO' HJ. MOHD FAUZI BIN HJ. MOHD YATIM), D.S.I.S, S.M.S

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR

1. YBhg. Dato' Hj. Mohd Fauzi bin Hj. Mohd Yatim, D.S.I.S, S.M.S - Pengerusi
Datuk Bandar
2. YBr. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, S.M.S., A.M.N. - Setiausaha
Timbalan Datuk Bandar. Mesyuarat

HADIR (AHLI MAJLIS)

3. Puan Lee Jen Uyin - Ahli Majlis
4. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu - "
5. Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim - "
6. Encik Chia Yew Ken - "
7. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - "
8. Encik Thomas Low Yew Sin - "
9. Encik Thamilarusu a/l Sandayan - "
10. Puan Ng Seow Chen - "
11. Encik Thong Kim Fatt - "
12. Encik Mohd Tarmizi bin Lazim - "
13. Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin - "
14. Tuan Ir. Balachandran Naicker - "

-
- | | | | |
|-----|-----------------------------------|---|---|
| 15. | Encik Tey Han Cherk | - | " |
| 16. | Puan Suzanah Hanim Wong | - | " |
| 17. | Encik Tey Boon Kiat | - | " |
| 18. | Puan Sarawati binti Mukhtar | - | " |
| 19. | Encik Pravin a/l Murali | - | " |
| 20. | Encik Tah Yap Keong | - | " |
| 21. | Encik Parithi Vaanan a/l Ramasamy | - | " |
| 22. | Encik Muhammad Fauzan bin Rosli | - | " |
| 23. | Encik Khairol Basri bin M.Arif | - | " |
| 24. | Encik Saidin bin Awang | - | " |

(PEGAWAI MBSJ)

- | | |
|-----|---|
| 25. | Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan |
| 26. | Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan |
| 27. | Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang |
| 28. | Puan Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta |
| 29. | Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan |

30. Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
31. Puan Ts.Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
32. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
33. Puan Sarina binti Saad
Pengarah, Jabatan OSC
34. Tuan Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB
35. Encik Shahrul Fadli bin Abdu Rashid
Pengarah, Unit Audit Dalam
36. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
37. Tuan TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
38. Tuan Ir. Dr Hj. Mohd Ariffuddin bin Hj. Kamari
Timbalan Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
39. Puan Dr. Nurnawwar binti Arpaaili
Timbalan Pengarah, Jabatan Kesihatan
40. Tuan Hj. Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
41. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
42. Puan Norsilawati binti Mohamed Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil

43. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
44. Sr. Mohd Nor Affandi bin Isa
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
45. Encik Mohd Herman bin Musanip
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Unit Integriti

URUSETIA

46. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
47. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
48. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

49. Puan Gunasunthari a/p Kanniappan
Ahli Majlis MBSJ
50. Puan Nik Zalina binti Megat Muda, CEO
Pengarah, Jabatan Pelesenan
51. Puan Hajah Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.P.C., P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
52. Tuan Sr. Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan